

SULIT

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

Nov.

1 jam

Satu jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2022**


JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

- 1 Apakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
- A Kedaulatan
 - B Kebudayaan
 - C Wilayah pengaruh
 - D Lambang kebesaran
- 2 Apakah tugas temenggung dalam kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?
- A Menjadi duta
 - B Menjadi ketua hakim
 - C Mengetuai angkatan tentera laut
 - D Menjaga keselamatan kota Melaka
- 3 Rajah berikut berkaitan perkembangan idea nasionalisme di Barat.



Apakah X?

- A Revolusi Eropah
- B Revolusi Amerika
- C Revolusi Perancis
- D Revolusi Keagungan

- 4 Gambar berikut merupakan tokoh nasionalisme di negara kita.



Zainal Abidin Ahmad

Apakah peranan beliau?

- A Mengasaskan pertubuhan politik
 - B Menubuhkan sekolah kebangsaan
 - C Melahirkan idea melalui penulisan
 - D Melancarkan penentangan secara radikal
- 5 Maklumat berikut berkaitan strategi Jerman semasa Perang Dunia Kedua.

Operasi Barbarossa merupakan serangan besar-besaran untuk menawan Rusia

Mengapakah operasi tersebut menemui kegagalan?

- A Tempoh perang yang panjang
 - B Tidak menyasarkan bandar utama
 - C Persiapan ketenteraan yang singkat
 - D Penyertaan Rusia dalam kuasa Bersekutu
- 6 Apakah matlamat penubuhan Force 136 pada tahun 1943?
- A Menjalin kerjasama rakyat
 - B Menubuhkan pasukan gerila
 - C Melatih rejimen askar Melayu
 - D Menentang penjajahan British

[Lihat halaman sebelah

- 7 Satu persidangan Raja-raja Melayu diadakan di Kuala Kangsar, Perak bagi membincangkan isu berkaitan Malayan Union pada bulan April 1946.

Apakah keputusan yang dicapai dalam persidangan tersebut?

- A Menghantar surat bantahan ke London
- B Menarik balik tandatangan persetujuan
- C Memulau upacara pelantikan Gabenor Malayan Union
- D Mengemukakan bantahan melalui Mahkamah Tinggi di England

- 8 Apakah faktor yang menyebabkan kegiatan berpersatuan di Sabah menjadi lemah?

- I Menghadapi masalah kewangan
 - II Mengalami masalah perhubungan
 - III Kesedaran berpolitik semakin kurang
 - IV Kekurangan pemimpin yang berkebolehan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 9 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang dianjurkan untuk membantah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Dianjurkan oleh PUTERA-AMCJA
- Pekedai menutup kedai tanda bantahan
- Dilaksanakan di bandar utama di Tanah Melayu

Apakah peristiwa tersebut?

- A Hartal
- B Durbar
- C Konfrontasi
- D Referendum

10 Apakah tanggungjawab sultan di peringkat negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Menjalankan kuasa eksekutif
- B Menjaga ketenteraman awam
- C Mengesahkan rang undang-undang
- D Menganggotai Majlis Mesyuarat Negeri

11 Jadual berikut menunjukkan statistik anggota keselamatan yang terkorban dan tercedera pada tahun 1948-1960 akibat serangan Parti Komunis Malaya (PKM).

Pasukan	Terkorban	Tercedera	Jumlah
Polis	513	701	1214
Tentera	519	959	1478

Mengapakah PKM bertindak sedemikian?

- A Mensabotaj kemudahan awam
- B Melumpuhkan ekonomi negara
- C Mengancam keselamatan rakyat
- D Menunjukkan ketidakupayaan kerajaan

12 Rancangan penempatan semula Kampung Baru telah diperkenalkan bagi mengatasi ancaman komunis di negara kita.

Apakah kesan rancangan tersebut?

- A Memenangi kepercayaan rakyat
- B Meningkatkan kos perbelanjaan
- C Merenggangkan hubungan antara kaum
- D Menamatkan Undang-Undang Darurat

[Lihat halaman sebelah

- 13** Apakah objektif penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) yang ditubuhkan pada tahun 1949?
- A** Merangka perlembagaan
 - B** Mengkaji sistem pentadbiran
 - C** Mewujudkan keadaan harmoni
 - D** Menentukan kemerdekaan
- 14** Antara berikut, yang manakah merupakan cadangan Laporan Woodhead 1955?
- I** Menyeragamkan sukatan pelajaran dan peperiksaan
 - II** Menyatukan semua murid daripada pelbagai bangsa
 - III** Mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur
 - IV** Memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 15** Apakah pilihan raya pertama yang diadakan di negara kita sebelum mencapai kemerdekaan?
- A** Pilihan Raya Majlis Bandaran Ipoh
 - B** Pilihan Raya Perbandaran George Town
 - C** Pilihan Raya Perbandaran Kuala Lumpur
 - D** Pilihan Raya Majlis Bandaran Alor Setar
- 16** Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955?
- I** Tanah Melayu merdeka
 - II** Pemansuhan Sistem Ahli
 - III** Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri
 - IV** Pesuruhjaya Tinggi British hilang kuasa pemerintahan
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

- 17 Apakah tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Meneliti kesesuaian unsur perlembagaan Barat
 - B Meminta British memberikan tarikh kemerdekaan
 - C Merangka perlembagaan bagi sebuah negara merdeka
 - D Menyuarakan idea pembentukan negara merdeka
- 18 Mengapakah orang Melayu diberi kedudukan istimewa dalam Perlembagaan Persekutuan?
- A Penduduk asal
 - B Permintaan raja
 - C Persetujuan majoriti
 - D Pemimpin tempatan
- 19 Maklumat berikut berkaitan persediaan yang dilakukan ketika menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara kita.

- Pegawai penerangan
- Pegawai pengiring tetamu
- Pegawai jemputan luar negara

Apakah kursus yang perlu diikuti oleh pegawai tersebut?

- A Protokol
 - B Tatatertib
 - C Sambutan
 - D Kepegawaian
- 20 Maklumat berikut berkaitan satu usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara.

Rancangan Buku Merah

Apakah kepentingan rancangan tersebut?

- A Pembukaan tanah baharu
- B Pengeluaran makanan mencukupi
- C Pemulihan kesihatan penduduk
- D Projek kemudahan asas

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 21 Apakah langkah yang dilakukan untuk memelihara dan melaksanakan kedaulatan undang-undang di negara kita?
- A Mewujudkan badan kehakiman
 - B Membuat pindaan perlembagaan
 - C Melaksanakan undang-undang moden
 - D Menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman
- 22 Sempadan merupakan garis pemisah antara negeri atau negara. Mengapakah negara berdaulat perlu mempunyai sempadan yang jelas?
- A Mengenalpasti penduduk
 - B Menjamin keadilan sosial
 - C Membina kubu pertahanan
 - D Memudahkan pemerintahan
- 23 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan?
- I Agama Islam
 - II Kewarganegaraan
 - III Sistem Persekutuan
 - IV Pemerintahan beraja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 24 Maklumat berikut berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan.
- Pindaan Perlembagaan 1965
- Apakah kesan pindaan perlembagaan tersebut?
- A Pemisahan Singapura
 - B Pemberontakan Brunei
 - C Penentangan Indonesia
 - D Pembentukan Malaysia

25 Apakah fungsi Majlis Raja-Raja selepas merdeka?

- I Membubarkan parlimen
 - II Memperkenan pindaan perlembagaan
 - III Menjadi rujukan dalam perubahan dasar
 - IV Melantik Perdana Menteri
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

26 Maklumat berikut berkaitan pelaksanaan pengasingan kuasa dalam pentabiran.


- Badan Perundangan
 - Badan Eksekutif
 - Badan Kehakiman

Siapakah yang menjadi punca kuasa kepada ketiga-tiga badan tersebut?

- A** Rakyat
B Ahli parlimen
C Perdana Menteri
D Yang di-Pertuan Agong

[Lihat halaman sebelah

- 27 Rajah berikut berkaitan sejarah pembentukan Sistem Persekutuan di Malaysia bermula pada tahun 1896 hingga tahun 1963.



Apakah X?

- A Majlis Persekutuan
 - B Negara Persekutuan
 - C Perlembagaan Persekutuan
 - D Majlis Mesyuarat Persekutuan
- 28 Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting demi kesejahteraan rakyat.
- Apakah peranan Kerajaan Persekutuan bagi menjayakan pembangunan sosioekonomi?
- A Menumpukan pembangunan bandar
 - B Menyediakan tanah untuk pembangunan
 - C Memberikan bantuan kewangan dan kepakaran
 - D Menyediakan perumahan kos rendah
- 29 Apakah kandungan laporan Suruhanjaya Cobbold?
- A Islam agama Persekutuan Malaysia
 - B Penubuhan sebuah suruhanjaya bebas
 - C Rakyat Singapura bersetuju bergabung
 - D Kuasa autonomi kepada Sarawak dan Sabah
- 30 Indonesia telah membuat bantahan rasmi pembentukan Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bagaimanakah PBB menyelesaikan isu tersebut?

- A Membuat tinjauan semula
- B Menjalankan misi lawatan
- C Mengadakan siri rundingan
- D Menjelaskan tujuan pembentukan

31 Maklumat berikut berkaitan peristiwa rusuhan kaum pada 21 Julai 1964.

- Ketegangan antara kaum
- Menuntut hak sama rata

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Ancaman Komunis
- B Pemisahan Singapura
- C Konfrontasi Indonesia
- D Pengeboman Tugu Negara

32 Maklumat berikut berkaitan pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong pada 16 Mei 1969.

- Parlimen ditangguhkan
- Menguatkuasakan perintah berkurung
- Memagar kawasan Kampung Baru

Mengapakah darurat dilaksanakan?

- A Rusuhan kaum
- B Keganasan komunis
- C Konfrontasi Indonesia
- D Referendum Singapura

[Lihat halaman sebelah

33 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ditubuhkan pada 22 Jun 1956.

Bagaimanakah DBP berperanan dalam mengembangkan bahasa dan sastera Melayu?

- A Menjadi pusat rujukan
- B Menganjurkan seminar
- C Menjalankan penyelidikan
- D Menyeragamkan pendidikan

- 34 Gambar berikut merupakan logo Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).



Mengapakah penganjuran MASUM diadakan secara bergilir-gilir?

- A Mengeratkan hubungan atlet
- B Melahirkan semangat berpasukan
- C Menggalakkan integrasi antara negeri
- D Meningkatkan mutu sukan universiti

- 35 Maklumat berikut berkaitan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">● Menyusun semula masyarakat● Membasmi kemiskinan |
|--|

X

Apakah matlamat yang ingin dicapai oleh DEB?

- A Perpaduan kaum
- B Pemodenan negara
- C Pengagihan kekayaan
- D Peningkatan pelaburan

- 36 Maklumat berikut berkaitan tokoh Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera di negara kita.


- Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari
- Tan Sri Azman Hashim

Mengapakah tokoh-tokoh tersebut penting kepada peningkatan taraf hidup golongan miskin?

- A Melatih tenaga mahir
 - B Membina pusat kemahiran
 - C Memberi bantuan kewangan
 - D Menyediakan peluang pekerjaan
- 37 Antara berikut, yang manakah membuktikan negara Komanwel merupakan rakan dagang Malaysia yang utama?
- I Menyediakan kemudahan kredit
 - II Membuka pelaburan ke negara luar
 - III Memudahkan eksport barang ke semua negara
 - IV Mengenakan kadar cukai yang rendah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 38 Mengapakah Malaysia menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand pada tahun 1965?
- A Menangani isu keselamatan
 - B Menjalankan latihan ketenteraan
 - C Memerangi penyalahgunaan dadah
 - D Mengadakan hubungan diplomatik

[Lihat halaman sebelah

- 39 Peta berikut berkaitan kerjasama pembangunan ekonomi segi tiga, iaitu pembangunan wilayah baharu yang dimajukan bersama-sama negara anggota ASEAN.



Lingkungan Kawasan SIJORI-GT

Apakah manfaat yang Malaysia peroleh melalui kerjasama tersebut?

- A Menurunkan kadar inflasi dalam negara
- B Mengurangkan monopoli pasaran oleh negara maju
- C Meningkatkan nilai mata wang negara anggota
- D Menangani kemelesetan ekonomi negara

- 40 Rajah berikut menunjukkan persaingan kuasa besar yang memiliki senjata nuklear.



Mengapakah Malaysia dan negara Asia Tenggara terlibat secara langsung dalam kancas tersebut?

- A Kestabilan politik
- B Kemajuan teknologi
- C Kedudukan strategik
- D Kebergantungan ekonomi

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT